

Ibu bapa terpaksa berbelanja besar ekoran harga pakaian meningkat sehingga 30 peratus Kelengkapan sekolah makin mahal

KUALA LUMPUR – Kebanyakan ibu bapa mendakwa, kenaikan harga kelengkapan sekolah untuk tahun ini meningkat sehingga 30 peratus menyebabkan mereka memperuntukkan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding tahun lalu.

Jika sebelum ini ibu bapa memperuntukkan sekitar RM100 hingga RM150 bagi seorang anak namun pada tahun ini mereka perlu menyediakan peruntukan melebihi RM200 untuk membeli pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis.

Seorang guru, Mohamad Faizal Sulaiman, 41, berkata, dia yang mempunyai lima orang anak bersekolah perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya RM1,000 pada tahun ini untuk membeli keperluan sekolah.

Jelasnya, dia mengambil pendekatan untuk membeli kelengkapan sekolah di premis yang menawarkan diskaun yang lebih tinggi supaya dapat melakukan penjimatan ketika berbelanja.

“Saya memilih pasar raya yang menawarkan harga murah untuk membeli kelengkapan sekolah,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sebuah pasar raya di Jalan Masjid India di sini semalam.

Kosmo! yang membuat tinjauan di pasar raya itu turut mendapati, harga kelengkapan sekolah di premis berkenaan dijual pada harga promosi menyebabkan ia menjadi pilihan ramai ibu bapa.



MOHD. AFFANDI DRANI (kiri) memakaikan baju sekolah untuk anaknya, Mohd. Afiq sambil diperhatikan ibunya, Norliza Ali di sebuah pasar raya di Seremban semalam.



MOHAMAD Faizal (dua dari kanan) membeli pakaian sekolah untuk salah seorang daripada anaknya di sebuah pasar raya di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur semalam.

INFO Perbandingan harga keperluan sekolah di Lembah Klang

	Harga Lama	Harga Baharu
Baju kurung (mengikut saiz)	RM16.90 - RM24.90	RM29.90 - RM39.90
Baju kemeja (mengikut saiz)	RM20.90 - RM21.90	RM27.90 - RM34.90
Kain sekolah menengah untuk pelajar perempuan (mengikut saiz)	RM19.50 - RM22.50	RM22.90 - RM45.90
Kain sekolah rendah untuk murid perempuan (mengikut saiz)	RM14.50 - RM18.50	RM16.90 - RM39.90
Seluar sekolah menengah (mengikut saiz)	RM34.50 - RM38.50	RM40.90 - RM51.90
Seluar sekolah rendah (mengikut saiz)	RM31.50 - RM40	RM36.90 - RM44.90
Tudung (mengikut saiz)	RM9.90 - RM11.90	RM11.90 - RM21.90
Beg sekolah	RM24.90 - RM89.90	RM19.90 - RM100

untuk lima orang anaknya iaitu dua di sekolah menengah dan tiga lagi di sekolah rendah.

Katanya, dia berbelanja kira-kira RM100 setiap seorang yang belajar di sekolah rendah manakala RM150 setiap seorang di sekolah menengah untuk membeli pakaian seragam sekolah dan kasut.

Jelasnya, kos tersebut tidak termasuk alat tulis dan buku yang juga perlu dibeli.

Di Kelantan, Ronzi Hassan, 42, yang merupakan kakitangan sekolah dekat Gua Musang pula berkata, dia memperuntukkan lebih RM600 untuk tiga orang anak yang bersekolah rendah dan menengah.

berkata, dia membelanjakan sekitar RM500 bagi membeli buku latihan untuk seorang anaknya yang akan memasuki Tahun 2.

“Mujurlah pakaian sekolah pada tahun ini masih boleh digunakan dan saya hanya membeli sepasang sahaja lagi baju seragam sekolah dengan harga RM55 serta pakaian sukan berjumlah RM40,” ujarnya.

Seorang pekerja swasta, Jasme Basiron, 42, pula berkata, dia terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan sekitar sepuluh hingga 15 peratus untuk membeli pakaian sekolah untuk tiga orang anaknya berbanding tahun lalu hanya kira-kira

Di Shah Alam, Selangor, seorang guru, Zaida Osman, 45, berkata, dia membelanjakan kira-kira RM4,500 untuk membeli keperluan sekolah untuk empat orang anaknya yang belajar di tingkatan lima, satu, tahun lima dan tiga.

"Jumlah tersebut meliputi yuran dan kelengkapan sekolah yang lain. Jika dilihat memang besar jumlahnya namun apa yang boleh dibuat kerana kita

sebagai ibu bapa harus menyediakan perbelanjaan sekolah," katanya.

Sementara itu, di **Baling, Kedah,** seorang bapa, Abdul Halim pula berkata, dia memilih barangan persekolahan paling murah yang dijual di beberapa buah kedai.

Menurutnya, dia yang bekerja sendiri dengan pendapatan RM750 sebulan terpaksa mem-

beli barangan persekolahan untuk tiga daripada empat orang anaknya yang berusia enam hingga 18 tahun pada tahun depan.

Seorang pekerja kilang, Jamaluddin Md. Saad, 40, dari Flat Paya Nahu, Sungai Petani, berkata, dia berbelanja agak besar setiap kali menjelang musim sekolah kerana terpaksa membeli barangan keperluan sekolah

"Hari ini (semalam) saya sudah berbelanja lebih RM150 untuk membeli kasut, stoking dan peralatan sekolah yang lain. Kalau tahun lepas, harga sepasang kasut ialah RM30 namun sekarang meningkat kepada RM34 sepasang," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Kota Bharu.

Di Seremban, Negeri Sembilan, seorang ibu kepada tiga anak, Noraini Mohd. Awal, 35,

RM500.

"Kali ini saya membelanjakan hampir RM1,000 dengan purata pembelian kelengkapan sekolah bagi seorang anak antara RM200 hingga RM250.

"Kos tersebut tidak termasuk yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) iaitu RM150 bagi dua anak saya yang belajar di sekolah menengah manakala yuran PIBG anak perempuan ialah RM80," katanya.